

TERMA DAN SYARAT EMAS UNTUK e.MAS

1. PENGANJUR

Kempen ini dianjurkan oleh KAB Goldynamics Sdn Bhd (1240458-V) dirujuk sebagai (“Penganjur”).

2. TEMPOH KEMPEN

Kempen akan berlangsung dari **1 Jun 2025** 12.00 pagi sehingga **31 Mei 2026** 11.59 malam (Waktu Malaysia) (“Tempoh Kempen”).

3. KELAYAKAN PENYERTAAN

3.1 Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan yang berdaftar dengan KAB Goldynamics Sdn. Bhd.

3.2 Kakitangan pihak penganjur serta ahli keluarga mereka yang terdekat (anak-anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk suami/isteri) **TIDAK LAYAK** untuk menyertai kempen ini.

3.3 Peserta yang membuat pembelian **SATU (1) gram** dan ke atas Uncang Emas, i-GPA atau Belian Terus di dalam **SATU (1) RESIT**, layak mendapat **SATU (1) PENYERTAAN** cabutan bertuah **HADIAH UTAMA** dan hadiah-hadiah lain.

CONTOH PENGIRAAN:

Sekiranya peserta membuat pembelian Uncang Emas, i-GPA atau Belian Terus sebanyak **20.5 gram** dalam **SATU (1) RESIT**, peserta layak mendapat **20 PENYERTAAN** cabutan bertuah.

3.4 Peserta yang membuat pembelian **0.9999 gram** dan ke bawah Uncang Emas, i-GPA atau Belian Terus di dalam **SATU (1) RESIT** layak mendapat **SATU (1) PENYERTAAN** cabutan bertuah **HADIAH PERTAMA** dan hadiah-hadiah lain selain hadiah utama.

3.5 Tiada had maksimum penyertaan, setiap pembelian layak menerima **SATU (1)** peluang cabutan bertuah mengikut syarat-syarat di atas.

3.6 Pembelian emas berketulenan 999.9 sahaja akan diambil kira.

3.7 Sebarang penyertaan yang diterima di luar tempoh kempen dianggap tidak sah.

4. PEMILIHAN PEMENANG

4.1 Pemilihan pemenang akan dilakukan secara cabutan bertuah menggunakan cara yang difikirkan sesuai oleh pihak penganjur.

4.2 Pengumuman pemenang akan dilakukan secara langsung menggunakan platform Facebook rasmi KAB Goldynamics Sdn. Bhd. pada tarikh yang akan diumumkan kemudian.

4.3 Setiap pemenang hanya layak memenangi **SATU (1)** hadiah sahaja.

5. PENEBUSAN HADIAH

5.1 Semua pemenang **WAJIB** menghadiri majlis penyerahan hadiah pada tarikh yang ditetapkan oleh pihak penganjur. Sekiranya pemenang gagal menghadirkan diri dan gagal menamakan wakil, pihak penganjur berhak membatalkan hadiah atau memberikan hadiah tersebut kepada pemenang lain.

5.2 Sekiranya pemenang mewakilkan individu lain untuk menuntut hadiah bagi pihak mereka, perlu dimaklumkan kepada pihak penganjur **DUA (2)** hari lebih awal dari tarikh yang ditentukan. Pemenang perlu memastikan bahawa wakil mereka menyediakan surat kebenaran yang dikeluarkan dan ditandatangani oleh pemenang, serta salinan dokumen pengenalan diri pemenang, dan dokumen pengenalan diri untuk wakil pemenang yang sah.

5.3 Hadiah selain wang tunai tidak boleh ditukar kepada wang tunai. Pihak penganjur berhak menukarkan hadiah dengan hadiah lain yang sama nilai tanpa notis terlebih dahulu.

5.4 Pihak penganjur tidak bertanggungjawab terhadap hadiah yang rosak atau penyalahgunaan mana-mana hadiah, atau tuntutan, liabiliti, kerugian atau kerosakan yang timbul daripada atau berkaitan dengan kempen ini.

5.5 Hadiah adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh pembekal (jika berkaitan). Pihak penganjur tidak bertanggungjawab terhadap semua liabiliti, kerugian

dan kerosakan yang timbul daripada sebarang penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan kepada butir-butir hadiah atau apa-apa keadaan yang tidak diduga di luar kawalan yang munasabah oleh pihak penganjur untuk apa-apa perbuatan atau keingkaran oleh mana-mana vendor atau pembekal pihak ketiga.

5.6 Hadiah yang hilang atau rosak semasa proses penghantaran tidak boleh diganti dan pihak penganjur menafikan sebarang kewajipan untuk menggantikan atau memenuhi hadiah tersebut.

5.7 Semua kos pengangkutan, caj internet, kos peribadi dan/atau sebarang kos, yuran dan/atau apa-apa jenis perbelanjaan yang ditanggung oleh peserta/pemenang yang berkaitan dengan kempen ini (sama ada untuk tujuan menyertai atau penerimaan hadiah) adalah ditanggung sepenuhnya oleh peserta/pemenang. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kos/caj/yuran/perbelanjaan yang ditanggung oleh peserta/pemenang berkaitan dengan kempen ini.

6. HAK PENGANJUR

6.1 Dengan menyertai kempen ini, peserta memberikan kebenaran kepada pihak penganjur untuk menggunakan, menyiaran atau memaparkan nama-nama dan gambar-gambar peserta/pemenang (jika ada) bagi tujuan pengiklanan, pemasaran, publisiti dan apa jua tujuan lain di dalam apa jua saluran penerbitan, pengedaran atau paparan, tanpa sebarang notis terlebih dahulu atau bayaran pampasan kepada peserta/pemenang. Peserta/pemenang tidak mempunyai hak untuk membuat tuntutan hak milik atau lain-lain pampasan terhadap material tersebut.

6.2 Jika atas apa-apa sebab kempen ini tidak dapat diteruskan seperti yang dirancang atas sebab (dan tidak terhad) seperti penyebaran virus komputer, penggodaman, campur tangan tanpa izin, penipuan, kegagalan teknikal, apa-apa tindakan kerajaan tidak terhad kepada perintah kawalan pergerakan atau apa-apa sebab di luar kawalan, pihak penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlaknya, membatalkan, menamatkan, mengubah suai atau menggantung kempen ini tanpa sebarang notis.

6.3 Pihak penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlaknya, untuk membatalkan kelayakan mana-mana peserta dan/atau penyertaan yang didapati atau disyaki

menipu/menggodam/menyalahgunakan kempen atau melanggar mana-mana Terma dan Syarat kempen ini dan pihak penganjur berhak untuk melakukan tindakan undang-undang terhadap mana-mana individu yang diyakini telah melakukan aktiviti penipuan atau aktiviti lain yang memudarangkan kempen.

6.4 Pihak penganjur berhak untuk meminda Terma dan Syarat kempen pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlaknya.

6.5 Sebarang perintah atau peraturan lain seperti yang dinyatakan oleh penganjur dalam mana-mana bahan promosi untuk kempen ini juga akan mengikat semua peserta dan penyertaan mereka dalam kempen ini.

6.6 Dengan menyertai kempen ini, Peserta memberi kebenaran kepada pihak penganjur atau mana-mana pihak ketiga yang dilantik oleh pihak penganjur untuk memproses data peribadi peserta yang diberikan untuk tujuan kempen.

6.7 Pihak penganjur atau pihak ketiga yang dilantik tidak bertanggungjawab atas penyertaan yang hilang, rosak, lewat disebabkan atau sebarang kesilapan teknikal.

7. LIABILITI DAN TANGGUNGJAWAB

7.1 Peserta dan pemenang akan menanggung sepenuhnya dan bertanggungjawab sekiranya berlaku liabiliti, kejadian tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang disebabkan penyertaan mereka di dalam kempen ini dan/atau penebusan dan/atau penggunaan hadiah dan bersetuju untuk melepaskan pihak penganjur dan agensinya daripada sebarang tuntutan sama ada bagi sebarang kecederaan, kemalangan, kehilangan nyawa mahupun kehilangan ekonomi dan lain-lain.

7.2 Dengan menyertai kempen ini, Peserta bersetuju untuk mematuhi keputusan yang dibuat oleh pihak penganjur dan bersetuju dengan Terma dan Syarat kempen dan semua keputusan yang dibuat oleh pihak penganjur.

7.3 Pihak penganjur ingin memberi peringatan kepada peserta untuk mengambil langkah berjaga-jaga yang sewajarnya jika menerima sebarang panggilan telefon atau mesej yang meminta maklumat peribadi peserta semasa atau selepas kempen. Pihak penganjur juga

ingin menasihatkan peserta untuk menghubungi pihak penganjur untuk sebarang pengesahan mengenai kempen ini.

7.4 Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya peserta/pemenang terlibat dengan penipuan (scammer) berkaitan dengan kempen ini dan peserta/pemenang atau wakil daripada peserta/pemenang bersetuju untuk melepaskan dan membebaskan pihak penganjur daripada sebarang tuduhan dan tindakan daripada pihak berkuasa atau pihak mahkamah.

[TAMAT]